



**PARLIMEN MALAYSIA
(KAMAR KHAS)**

**UCAPAN DI BAWAH USUL BERKENAAN
PERKARA
TADBIR KERAJAAN
(*PERATURAN MESYUARAT 17*)**

**DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA
PENGKAL PERTAMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

KEMENTERIAN AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI

23 JULAI 2018 (ISNIN)

2.30 PETANG HINGGA 4.30 PETANG

Ucapan : Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]
Tajuk Ucapan : Isu Banjir Di Leba'an
Tarikh Ucapan : 23 Julai, 2018 (Isnin)

Tuan Yang di-Pertua,

Saya ingin membangkitkan isu banjir di Leba'an yang telah menghantui penduduk kawasan tersebut untuk beberapa tahun. Banjir boleh dikatakan satu fenomena biasa di Sibu kerana lokasinya di kawasan rendah berbanding ke bandar lain di Sarawak. Isu banjir serius terutamanya di kawasan barat Sibu, salah satunya kawasan Leba'an.

Sebab utama banjir kerap berlaku adalah akibat sistem perparitan yang tidak lengkap di kawasan Leba'an. Banyak pintu air yang lama sudah tidak berfungsi. Jabatan Pengairan dan Saliran Sarawak (JPS) telah melaksanakan projek menubuhkan pintu air yang baru bagi mengatasi banjir di Leba'an. Walau bagaimanapun, pintu air yang baru ditubuhkan nampaknya tidak strategik atau sempurna. Air sungai dari Batang Rejang masih lagi melimpah masuk ke kawasan itu, terutamanya pada musim hujan.

Terdapat satu kawasan di Leba'an yang telah menjadi paya kerana pintu air tidak berfungsi. Kawasan tersebut ditakungi dengan air yang tidak dapat mengalir ke mana- mana, menyebabkan pembentukan paya di mana semua pokok buah-buahan dan tumbuhan tenggelam dalam air bertakung, maka kematian pokok-pokok.

Kejadian banjir mempengaruhi penduduk di Leba'an dan sebahagian Bawang Assan. Seperti yang disebutkan, banjir mempengaruhi kehidupan harian penduduk, terutamanya bagi mereka yang bergantung kepada jualan sayur-sayuran dan buah-buahan sebagai pendapatan hidup.

Selain daripada itu, banjir juga menjejaskan pendidikan murid-murid di kawasan tersebut. Terdapat dua buah sekolah di kawasan terlibat, iaitu satu sekolah rendah (SK Bawang Assan) dan satu sekolah tinggi (SMK Bawang Assan).

Oleh yang demikian, saya ingin menarik perhatian YB. Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar untuk mengkaji semula pelan yang strategik dan sempurna bagi mengatasi isu banjir di Leba'an dan Bawang Assan. Sistem perparitan yang lengkap haruslah dikaji dengan teliti, bukan sahaja di kawasan Leba'an tetapi juga termasuk keseluruhan Sibul.

Sekian, terima kasih.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

KAMPUNG LEBA'AN

Isu banjir yang dibangkitkan oleh YB Ahli Parlimen Sibul adalah melibatkan dua (2) kawasan utama:

- i) Kawasan Leba'an dan sebahagian kawasan Bawang Assan yang merupakan kawasan Skim Saliran Pertanian; dan
- ii) Kawasan keseluruhan Sibul terutama kawasan perbandaran

(Nota : jarak di antara Leba'an dan Bawang Assan dengan Bandar Sibul adalah dianggarkan 20km)

KAWASAN LEBA'AN DAN BAWANG ASSAN

Banjir berlaku akibat kawasan sekitar yang rendah dan ketika hujan lebat, air sungai melimpahi ban yang rendah. Infrastruktur saluran sediaada yang tidak lengkap dan tidak berfungsi dengan baik juga menyumbang kepada masalah banjir tersebut.

Kawasan ini yang merupakan kawasan Skim Saliran Pertanian, diselenggara oleh pihak kerajaan Negeri melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Negeri Sarawak. Terdapat Kerja-kerja membaikpulih dan penyelenggaraan saluran yang dilaksanakan dimana pihak Kerajaan Persekutuan ada membantu membiayai sebahagian peruntukan iaitu sebanyak **RM2.06 juta** dalam **RMKe-10 (Rujuk Lampiran 1)** dan **RM595 ribu** dalam **RMKe-11 (2016 hingga 2018) (Rujuk Lampiran 2)**

Bagi langkah jangka panjang untuk menyelesaikan isu banjir dengan lebih berkesan, Kementerian akan berusaha untuk memohon peruntukan daripada pihak Kementerian Hal Ehwal Ekonomi dan Kementerian Kewangan bagi melaksanakan kajian lebih terperinci dan projek tebatan banjir dikawasan ini.

KAWASAN BANDAR SIBU

Bagi kawasan bandar Sibu, Kementerian Air, Tanah, dan Sumber Asli (KATS) melalui JPS Malaysia sedang melaksanakan projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sibu Fasa 3 dengan kos projek yang diluluskan dalam RMKe-11 sebanyak **RM100 juta**.


Untuk makluman ahli yang berhormat, RTB Sibu Fasa 1 dan 2 telah siap dalam RMKe-9 dan RMKe-10 dengan kos sebanyak **RM215 juta**. Untuk RTB Sibu Fasa 4, dengan anggaran kos diperlukan **RM361 juta**, ianya akan dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia seterusnya iaitu selepas siapnya Fasa 3. **(Rujuk Lampiran 3)**

LAMPIRAN I**Projek-projek di Skim Lebaan Bawang Assan di bawah RMKe-10**


No.	PROJEK	KOS (RM)	SKOP	CATATAN
1.0	Proposed Upgrading Works At Lebaan Bawang Assan, Block B, Sibul Division, Sarawak	1,304,497	Menaiktaraf infrastruktur ban & parit perimeter sediaada, membina pintu air, membina Creek Closure dan kerja-kerja berkaitan	Siap pada 21 November 2013
2.0	Proposed Upgrading Works At Lebaan Bawang Assan, Controlled Drainage Block A, Sibul Division, Sarawak	755,998.3	Membina pintu air, membina struktur pelindung tebing dan kerja-kerja berkaitan	Siap pada 31 Disember 2015
	JUMLAH	2,060,495.3		

LAMPIRAN 2**Peruntukan Persekutuan bagi Program Operasi dan Penyelenggaraan Kawasan Luar Jelapang (B21/42000) di bawah RMke-11**

No.	PROJEK	KOS (RM)	SKOP	CATATAN
Tahun 2016				
1.0	Proposed Improvement Works at Lebaan Scheme, Block A, Sibul, Sarawak	412,740	Kerja-kerja penyelenggaraan dan baikpulih	Siap pada 3 Oktober 2016
2.0	Remedial works damaged by flood at Perimeter Bund, Lebaan, Sibul, Sarawak	49,760	Kerja penyelenggaraan	Siap pada 5 Mac 2016
3.0	Emergency repair of bund at Lebaan Scheme(requested by JKKKK)	18,000	Kerja penyelenggaraan	Siap pada 20 Julai 2016
Tahun 2017				
4.0	Proposed Maintenance Works at Skim Sibul	15,000	Kerja penyelenggaraan	Siap pada Oktober 2017
Tahun 2018				
5.0	Proposed Maintenance Works at Bawang Assan Scheme, Sibul Division.	100,000	Kerja-kerja penyelenggaraan	Dalam peringkat penyelenggaraan
Jumlah (RM)		595,500		



LAMPIRAN 4



PETA LOKASI BANDAR SIBU DAN KAMPUNG LEBA'AN

LAMPIRAN 5

